

16 OCT 1996

MUST

SELANGOR SEDIA BERI TAPAK UNTUK UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI

SHAH ALAM, 16 Okt (Bernama) -- Selangor sedia memberikan tanah untuk dijadikan tapak bagi penubuhan Universiti Sains dan Teknologi Malaysia atau MUST yang dirancang sebagai sebuah universiti swasta yang memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R & D).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Selangor, Encik Ch'ng Toh Eng berkata penubuhan universiti itu sangat sesuai di Selangor yang sentiasa menjadi negeri tumpuan dan pendahulu industri.

"MUST juga selaras dengan langkah kita menggalak dan mengutamakan penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan sumber manusia khususnya dalam bidang teknologi tinggi," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib pernah menyebut mengenai perkara itu tetapi ia belum dibawa ke peringkat perbincangan pada mesyuarat Exco.

"Kita belum mengenalpasti tapaknya tetapi Lembah Bernam mungkin kawasan yang baik untuk tujuan itu," kata Ch'ng, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuala Kubu Bharu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melawat Institut Teknologi Massachusetts (MIT) di Boston, Amerika Syarikat bulan lepas telah diberikan penerangan mengenai rancangan penubuhan MUST dengan bantuan MIT, dan beliau menyokong daya usaha pihak swasta itu.

Usahawan dari Sarawak Datuk Effendi Norwawi, yang juga ketua eksekutif Syarikat Encorp, dan Pengerusi Sapura Holdings Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir, merupakan penggerak utama projek pendidikan tinggi itu, yang dijadual dilancarkan tahun depan.

Effendi dilaporkan berkata MUST bukan satu projek komersil atau mencari keuntungan tetapi projek nasional pihak swasta untuk membantu mengukuhkan kedudukan negara dalam bidang sains dan teknologi.

-- BERNAMA

MNY AHH